

PANDANGAN HUKUM SYARA': PENGUNAAN WANG ZAKAT BAGI PEMBIAYAAN BAKAL-BAKAL HAJI YANG DIWARTAKAN OLEH MAIS

Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (FATWA) Negeri Selangor Bil.4/2005 yang diadakan pada 9 Ogos 2005 telah meneliti kertas tersebut dan membuat keputusan bahawa:

Wang zakat tidak boleh digunakan bagi membiayai bakal haji yang ditawarkan oleh MAIS berdasarkan kepada bahawa:

- i. Bakal-bakal haji tersebut tidak boleh dimasukkan ke dalam asnaf zakat.
- ii. Kewajipan haji adalah berdasarkan kemampuan seseorang Islam sebagaimana firman Allah di dalam surah Ali Imran ayat 97 : mafhumnya: *"Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat haji dengan mengunjungi Baitullah, iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya"*

Status: Tidak Warta

DATO' SETIA HAJI MOHD TAMYES BIN ABD. WAHID

Pengerusi Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (FATWA) Negeri Selangor